

30 JUL 1996

Mahathir - MSC

MALAYSIA PUNYAI PERANAN DALAM EKONOMI MAKLUMAT DUNIA

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembangunan pesat industri teknologi multimedia/maklumat di Malaysia akan membolehkan negara ini memainkan peranan lebih berkesan dalam konteks ekonomi maklumat dunia.

Perdana Menteri berkata pembangunan sedemikian yang telahpun dirancang dan dilaksanakan dalam bentuk Koridor Super Multimedia (MSC) Malaysia akan dapat bertindak sebagai batu loncatan kepada pasaran serantau dan dunia untuk produk dan perkhidmatan multimedia.

"Agenda ekonomi Malaysia untuk abad ke 21, Wawasan 2020, telah menetapkan beberapa matlamat yang akan membawa negara ke arah menjadi satu di antara kuasa ekonomi di rantau Asia Pasifik. Untuk mencapai tujuan ini, teknologi terkini dan terbaik sangat penting," kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian dalam perutusan beliau sempena persidangan dan pameran "Multimedia Asia 96", yang akan diadakan selama empat hari di Pusat Perdagangan Dunia Putra di sini mulai 1 Ogos.

Perdana Menteri berkata kawasan MSC dengan keluasan 15x40 kilometer merangkumi pusat pentadbiran baru, Putrajaya, Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang telah dirancang sebagai sektor strategi terpenting mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh.

Beliau berkata satu pusat perangsang multimedia/IT akan ditempatkan dalam MSC dengan penyertaan syarikat-syarikat multimedia terkenal di dunia yang akan dijemput untuk menubuhkan unit perniagaan mereka dan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Oleh itu, kata Dr Mahathir, usaha untuk menganjurkan "Multimedia Asia 96" di sini kena pada masanya kerana ia akan menggalakkan pemimpin-pemimpin multimedia menjadi rakan kongsi dalam pembangunan MSC Malaysia.

Ketua Pengarah Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS), Datuk Tengku Dr Mohd Azzman Shariffadeen berkata lebih daripada 300 syarikat yang akan menyertai pameran itu akan diberi peluang terbaik untuk mempamerkan produk terbaru mereka, perkhidmatan dan inovasi kepada ribuan pembeli yang berkecambah.

Pelawat akan mendapat peluang untuk menerokai dan mempelajari kandungan interaktif keseluruhannya, perkhidmatan, penggunaan untuk pembangunan, pengedaran dan prasarana rangkaian, kata beliau.

Acara ini dianjurkan oleh Majlis Teknologi Maklumat Negara dengan kerjasama MIMOS, Persatuan Industri Komputer Malaysia dan syarikat Reed Exhibition. -- BERNAMA

AH WAT MAI